

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI MAJLIS PERASMIAN MUZIUM MATAWANG  
DI BANK NEGARA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI RABU, 5HB. APRIL, 1989  
PUKUL 4.00 PETANG

Assalamualaikum  
Saudara

Salam  
sejahtera

Yang Berhormat En. Anwar Ibrahim,

Menteri Pendidikan;

Yang Berhormat Dato' Sabbaruddin Chik,

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan;

Yang Berhormat Senator Mohd, Farid Ariffin,

Timbalan Menteri Kewangan;

Yang Berbahagia Tan Sri Jaffar Hussein,

Gabenor Bank Negara;

Dif-Dif Kehormat;

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara

Malaysia;

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan dan penghormatan yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia kerana menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Muzium Matawangnya pada petang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Bank Negara Malaysia kerana menubuhkan Muzium Matawang ini. Saya berharap Muzium ini akan membantu mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai tentang peranan wang dalam sejarah dan perkembangan ekonomi negara kita dan seterusnya akan mewujudkan minat kepada mereka yang ingin menjadikan pengumpulan matawang sebagai satu hobi.

...Sebagaimana/-



-2-

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Bank Negara Malaysia adalah pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan matawang di negara ini. Oleh itu, adalah sesuai bagi Muzium Matawang Bank Negara Malaysia ini dijadikan sebagai tempat simpanan tetap warisan matawang negara melalui kutipan, kajian dan pemeliharaan semua bahan numismatik yang berkaitan dengan perkembangan sistem kewangan di Malaysia. Saya juga difahamkan, bahawa objektif utama Muzium Matawang ini, ialah untuk mengisahkan perihal matawang di negara ini sejak dahulu kala sehingga ke masa kini, melalui pameran koleksi duitnya kepada orang ramai. Tambahan pula, wang bukan hanya sebagai satu cara perantaraan penukaran, satu unit akuan dan penyimpan nilai, bahkan juga sebagai satu dokumen bersejarah yang dapat memaparkan

...kebudayaan/-

kebudayaan, agama dan tradisi-tradisi sesebuah masyarakat. Diharapkan agar melalui pameran ini dan penerbitan-penerbitan, Muzium ini dapat menyebarkan maklumat yang berupa saintifik dan teknikal yang berkaitan dengan perkembangan matawang di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Dalam evolusi matawang kita, kita telah melangkah jauh daripada perdagangan tukar barang (barter trading) kepada sistem moden yang memberikan kemudahan dalam urusan pembayaran. Saya telah difahamkan bahawa Bank Negara Malaysia mempamerkan lebih kurang dua ribu duit-duit syiling dan wang kertas yang menarik, iaitu duit-duit syiling perdagangan luar negeri, duit syiling tembaga

...daripada/-

daripada Dinasti-Dinasti China, duit-duit syiling yang dikeluarkan semasa pemerintahan orang-orang Portugis dan Belanda di Melaka, duit-duit syiling emas daripada zaman Kesultanan Melayu, matawang daripada Negeri-negeri Selat dan duit-duit syiling serta wang kertas keluaran Bank Negara Malaysia.

5. Sejarah matawang di negara kita, kebanyakannya mengisahkan perihal duit-duit syiling. Sejarah telah menunjukkan bahawa dari masa ke semasa, negeri-negeri ataupun pemerintah-pemerintah telah memainkan peranan yang penting dalam memperbaiki duit-duit syiling mereka. Ianya mungkin atas sebab-sebab politik, di mana, apabila terjadinya pertukaran pemerintahan ataupun

...apabila/-

apabila pemerintah berkehendakkan sesuatu rekabentuk duit syiling yang digunakan itu ditukarkan untuk melambangkan kuasa pemerintahan mereka. Ianya juga mungkin disebabkan oleh keadaan ekonomi, di mana rekabentuk atau berat dan kandungan logam di dalam duit syiling berkenaan perlu diubah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Pada zaman dahulu, orang-orang di Semenanjung Tanah Melayu menukar barang-barang untuk mendapatkan apa yang mereka perlukan. Dengan peredaran masa, penggunaan duit primitif, iaitu kulit-kulit siput gerus (cowrie shells) dan token metalik atau duit syiling telah diperkenalkan. Dalam proses evolusi wang di Semenanjung, duit

...syiling/-

syiling tembaga yang telah dibawa dengan banyaknya oleh pedagang-pedagang China mulai abad ke-8 ke dalam Negeri-negeri Melayu merupakan matawang yang utama dan kadangkala merupakan satu-satunya matawang bagi kebanyakan Negeri-Negeri Kepulauan Timur, Duit Syiling asal yang pertama bagi Negeri-Negeri wujud daripada duit syiling tembaga ini. Sepanjang yang diketahui, duit-duit syiling yang benar-benar Melayu, yang pertama kali dikeluarkan ialah semasa zaman kegemilangan kesultanan Melaka kira-kira pada tahun 1445. Duit syiling timah ini ditempa dan dikenali sebagai pitis. Duit syiling Melaka asli yang pertama seperti yang dicatatkan adalah dipercayai dikeluarkan di zaman Sultan Muzaffar Shah. Di antara tahun 1400-1780, beberapa duit syiling emas

...atau/-

atau kupang dipercayai telah digunakan di Patani dan Kelantan. Duit-duit syiling kijang, Dinar Matahari dan duit yang bertulisan Arab di kedua-dua belah muka merupakan tiga bentuk utama duit syiling emas Kelantan, Kijang, sebagaimana yang kita ketahui, adalah logo Bank Negara Malaysia. Di Terengganu pula, duit pitis timah dibuat dalam bentuk 'pohon pitis'. Kesemua pengeluaran duit tempatan di negeri Kelantan telah dihentikan pada tahun 1909 apabila duit syiling Negeri-negeri Selat diperkenalkan.

7. Dalam urusan perdagangan semasa zaman penjajah dahulu, iaitu sejak awal tahun 1842, Kerajaan British telah mengeluarkan duit ringgit khas untuk digunakan dalam perdagangan di Timur Jauh dan ianya amat

...popular/-

populer di Negeri-Negeri Selat dan juga Negeri-negeri Melayu. Di bawah pemerintahan Portugis, mereka telah menempa duit mereka sendiri dan orang-orang Belanda yang mengambilalih pemerintahan dalam tahun 1641 pula, telah memperkenalkan duit syiling mereka dari Syarikat Hindia Timur Belanda. Duit syiling utama dalam edaran pada masa itu terdiri daripada 'Dutch Ducatoon', 'Guilder' rupee Jawa, dan 'doit' tembaga. Apabila Kerajaan British mengambilalih pemerintahan ke atas Negeri-Negeri Selat pada tahun 1858 daripada Syarikat Hindia Timur British, duit syiling British telah digunakan secara meluas di Negeri-negeri Selat. Duit syiling ini telah digunakan secara keseluruhannya semasa zaman pemerintahan Ratu Victoria, Raja Edward VII dan Raja George V. Matawang kertas

...Negeri-Negeri/-

Negeri-Negeri Selat pula telah tidak dikeluarkan sehingga tahun 1899.

8. Orang-orang Jepun telah menduduki seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada 15 Februari 1942. Kerajaan Jepun telah mengeluarkan wang kertas yang dicetak dengan nilai dalam dolar Malaya. Wang kertas ini telah digunakan dengan meluasnya semasa pentadbiran Jepun sehingga menimbulkan keadaan inflasi yang begitu buruk. Wang kertas ini lebih dikenali dengan nama 'Duit Pisang' (Banana Money), disebabkan adanya gambar pokok pisang pada wang kertas \$10. Sepanjang yang diketahui, tidak ada duit syiling yang digunakan di Malaya sepanjang pendudukan Jepun. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa Bank Negara Malaysia

...telah/-

telah memperolehi satu set duit syiling aluminium 'pattern' yang unik yang dikilangkan di Jepun. Apa yang menerima perhatian saya terhadap duit syiling ini ialah terdapat inskripsi 'MALAYSIA' di muka hadapan, dan tahun 2602 (1942) di muka belakang duit syiling tersebut, di waktu di mana negara ini hanya dikenali sebagai Malaya atau Malai oleh orang-orang Jepun. Nama 'Malaysia', sebagaimana yang kita ketahui, hanya wujud pada tahun 1963, apabila Malaya digabungkan dengan Singapura, Sabah dan Sarawak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Saya yakin Muzium Matawang Bank Negara Malaysia ini akan diminati ramai, oleh kerana

...pelawat-pelawat/-

pelawat-pelawat juga akan berpeluang untuk menempa duit syiling token mereka sendiri untuk disimpan sebagai kenangan. Bagi ahli-ahli numismatik pula, pihak Muzim mempunyai galeri-galeri yang mempamerkan wang kertas dan duit syiling keluaran Bank Negara Malaysia termasuk duit-duit syiling peringatan. Di samping itu, terdapat galeri yang mempamerkan koleksi wang kertas contoh yang menarik yang dikeluarkan oleh negara-negara Asia, Afrika, Amerika Utara, Eropah, Timur Tengah, Amerika Selatan dan Amerika Tengah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Upacara perasmian pembukaan Muzium Matawang Bank Negara Malaysia pada hari ini

...menandakan/-



menandakan detik yang penting dalam sejarah numismatik Malaysia. Saya yakin, bahawa langkah Bank Negara Malaysia ini akan mendapat sambutan dan galakan dari semua lapisan masyarakat, khasnya, para ahli numismatic ahli sejarah dan pelajar-pelajar Muzium ini, tidak syak lagi, akan memainkan peranan yang penting di dalam memberikan pelajaran kepada orang ramai mengenai sejarah matawang negara yang juga merupakan warisan sejarah kita.

11. Dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan, saya dengan sukacitanya membuka dengan rasminya Muzium Matawang Bank Negara Malaysia.

*Wabilahi Taufiq wal hidayah  
Waassalamu alaikhem.*

